

MAHATHIR-CHINA

1981

KUALA LUMPUR, 8 OGOS (BERNAMA) -- TERDAPAT SEDIKIT PERBEZAAN DALAM SAMBUTAN CHINA TERHADAP PERMINTAAN MALAYSIA UNTUK MEMUTUSKAN PERHUBUNGAN PARTI ANTARA PARTI DENGAN PARTI KOMUNIS MALAYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINS HARI INI.

DENGAN MEMBERIKAN CONTOH BELIAU BERKATA STESEN RADIO SUARA REVOLUSI TIDAK DISIARKAN DARI NEGERI CHINA LAGI.

STESEN RADIO ITU DITUTUP BARU-BARU INI SEBAGAI SATU LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN PEKING UNTUK MEMPERBAIKI PERHUBUNGAN DUAHALA, KATANYA.

BELIAU BERKATA: +SETAKAT MANA YANG KITA KETAHUI TIDAK TERDAPAT SEBARANG SOKONGAN TENTERA TETAPI HANYA SOKONGAN MORAL DARI CHINA TERHADAP PARTI KOMUNIS MALAYA YANG DIHARAMKAN ITU.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERAIKAN KIRA-KIRA 120 ORANG KANAK-KANAK DARI ENAM BUAH RUMAH KANAK-KANAK DI SATU MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA DI KEDIAMANNYA.

BELIAU DAN ISTERINYA DATIN SERI DR. SITI HASMAH JUGA MENYAKSIKAN PERSEMBAHAN NYANYIAN DAN TARIAN OLEH KANAK-KANAK ITU.
-- BERSAMBUNG 2100/SZ

MAHATHIR-CHINA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI YANG MENGANGGAP BAHAWA HUBUNGAN PARTI ANTARA PARTI ITU ADALAH SATU PERKARA YANG LUAR BIASA BERKATA MALAYSIA HANYA INGINKAN HUBUNGAN KERAJAAN ANTARA KERAJAAN DENGAN CHINA.

+KITA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG PARTI DI CHINA DI MAMA KITA MEMPUNYAI HUBUNGAN,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERHARAP KEDUA-DUA NEGARA AKAN MENGADAKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN DENGAN CARA TERUS TERUTAMA SEKALI DALAM BAHAN-BAHAN UTAMA.

+KITA BERPENDAPAT BAHAWA CHINA BOLEH MENGGUNAKAN LEBIH BANYAK LAGI PENGELUARAN KITA TERUTAMA SEKALI MINYAK KELAPA SAWIT DI SAMPING GETAH DAN T IMAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DIJANGKA MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN RAKAN SEJAWATNYA DARI NEGERI CHINA ENCIK ZHAO ZIYANG APABILA BELIAU TIBA DI SINI ESOK UNTUK LAWATAN TIGA HARI.

MENGENAI LAPORAN KETUA ODIT NEGARA 1977, PERDANA MENTERI ITU BERKATA IA ADALAH PERLU KERANA ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KERAJAAN UNTUK MEMBERITAHU RAKYAT TENTANG PERKARA TERSEBUT.

SEKIRANYA KETUA ODIT NEGARA TIDAK MENGHEBAHKAN LAPORAN ITU, RAKYAT TIDAK AKAN TAHU APA YANG TELAH BERLAKU KEATAS WANG MEREKA. -- BERNAMA 2103/SZ